

Company Name : Heng Huat Resources Group Berhad
Date : 26 July 2014
Source : Utusan Malaysia

Heng Huat yakin terhadap pasaran China

KUALA LUMPUR 25 Julai - Syarikat kedua tersenarai di Papan ACE Bursa Malaysia tahun ini, Heng Huat Resources Group Bhd. (Heng Huat), yakin dapat mengekalkan momentum prestasi kewangan-nya yang baik berlandaskan permintaan yang kukuh terhadap produk-produk berasaskan sisa kelapa dan sawit.

Pengarah Eksekutifnya, Lim Ghim Chai berkata, gaya positif itu dapat disaksikan menerusi prestasi kewangan setakat suku pertamanya tahun ini, dengan pendapatannya naik 32 peratus berbanding suku sama tahun lalu.

Katanya, ini ditambah pula dengan permintaan ke atas produknya dari China yang semakin bertambah, terutama bahan pemudah bakar yang dihasilkan menggunakan sabut sawit.

Syarikat itu juga katanya, telah

merancang untuk membuka perwakilan di negara tersebut, bagi memudahkan segala aktiviti perdagangan mereka.

“Pasaran China cukup besar kepada kami dan ia menawarkan potensi yang baik,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyempurnaan Heng Huat di Bursa Malaysia, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Heng Huat, Datuk Juzilman Basir dan Pengasas Bersama serta Pengarah Urusan syarikat, H’ng Choon Seng.

Pada sesi penyempurnaan, sahamnya mencatatkan premium 16 sen kepada 61 sen berbanding harga yang diterbitkan, 45 sen. Pada pembukaan itu, sebanyak 5.6 juta sahamnya didagangkan.

Melalui penyempurnaan itu, Heng Huat meraih dana sebanyak RM20.93 juta yang akan digunakan untuk perbelanjaan modal dan

pembayaran pinjaman bank.

Heng Huat menghasilkan pelbagai jenis produk berasaskan sisa kelapa seperti sabut dan tempurung serta sisa sawit seperti sabut dan tandan kering.

Sisa-sisa itu boleh menghasilkan produk tambah nilai seperti bahan pemudah bakar mesra alam, karpet mengawal hakisan tanah, bahan membuat tilam serta beberapa produk lain untuk kegunaan industri.

Kebanyakan bahan-bahan sisa kelapa dan sawit itu dieksport ke China, dengan sumbangan eksport itu menyumbang 50 peratus kepada pendapatan syarikat.

Syarikat itu menjangka bahan pemudah bakar mesra alam akan terus laris di China, memandangkan kerajaan negara itu giat mengurangkan kesan pencemaran akibat pembakaran arang batu.